

Produktiviti negara amat rendah

MUKADIMAH

ISU lambakan pekerja asing di negara ini seolah-olah tiada penyelesaiannya. Setiap kali tiba cuti panjang khususnya apabila rakyat tempatan balik ke kampung kita boleh saksikan seolah-olah ibu negara tiba-tiba bertukar menjadi sebuah wilayah lain yang dihuni oleh pelbagai rupa warga asing. Sudah sampai masanya masalah lambakan pekerja asing ini ditangani segera sebelum ia menjejaskan hidup dan periuk nasi penduduk tempatan. Wartawan *Mingguan Malaysia* HAFIZAHIL HAMID telah mewawancarai Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) SHAMSUDDIN BARDAN untuk mendapat penjelasan kenapa perkara ini berlaku. Beliau menyifatkan kebanjiran terlalu ramai warga asing ke Malaysia berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab agensi pekerja asing yang membawa masuk mereka ke negara ini.

"Tenaga kerja tempatan perlu digunakan sepenuhnya bagi mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing serta meningkatkan produktiviti dengan membekalkan mereka pelbagai kemahiran yang sewajarnya

"Kita perlu lebih kreatif dan inovatif dalam menjenamakan semula pekerjaan. Kita tidak boleh bergantung kepada kerja yang hanya mempunyai satu kemahiran sahaja," katanya

MINGGUAN: Kenapa masalah ini berterusan berlaku, apakah kerana sistem pemantauan kita lemah?

SHAMSUDDIN: Bagi saya kategori pekerja asing ini pelbagai-bagai. Bagi pekerja yang ada permit jumlah mereka masih agak tinggi.

Tapi jumlah ini adalah lebih rendah berbanding sebelum krisis ekonomi bermula pada Oktober 2008 iaitu sekitar 2.2 juta. Namun selepas itu berkurangan kepada 1.9 juta pada awal tahun 2009. Namun statistik terbaru yang dikeluarkan oleh pihak Imigresen jumlah sekarang adalah pada 1.6 juta. Bermakna terdapat banyak pengurangan di situ kepada 600,000 orang pekerja asing yang mempunyai permit.

Ini adalah satu usaha yang baik dalam mengurangkan pergantungan pekerja asing. Tetapi yang menjadi masalahnya ialah pekerja yang datang tanpa permit yang sah. Ataupun mereka yang datang sebagai pelancong tetapi kemudian bekerja secara tidak sah. Malangnya tiada siapa yang tahu jumlah sebenar pekerja tidak sah ini. Tidak ada statistik sebenar kerana mereka ini bukan pekerja yang sah. Kalau kita ambil perkiraan secara konservatifnya jumlah pekerja yang tidak sah ini dianggarkan sama banyak dengan jumlah pekerja yang sah. Bermakna ada sekitar 1.6 juta. Seseengah mereka yang lebih pesimistik menganggarkan jumlah ini dua kali lebih banyak iaitu sekitar 3.2 juta.

Ada seseengah pihak yang telah menyalahgunakan toleransi kerajaan dengan beranggapan mereka akan senantiasa diberi pengampunan dan tidak akan diambil tindakan.

Ini memberi mesej yang salah kepada mereka bahawa Malaysia akan berterusan memberi pengampunan dan seterusnya menggalakkan lagi kedatangan pekerja yang masuk secara haram. Ini patut dihentikan kerana selagi terdapat usaha pengampunan begini akan ada pihak lain yang akan mencuba nasib untuk mencari rezeki secara haram di negara ini. Kerajaan harus menukar tindakan kepada lebih serius dan ketat dalam melaksanakan undang-undang. Usaha ini perlu konsisten supaya pekerja asing dan pihak tertentu yang ingin mengambil kesempatan dalam berurusan dengan pekerja

asing ini mendapat mesej yang jelas tentang keseriusan kerajaan menangani masalah ini.

Sebagai contoh kita umum untuk melakukan operasi menahan pekerja asing tetapi kerana sambutan perayaan Tahun Baru Cina atau raya apa sekalipun maka ia terpaksa dibatalkan. Tidak ada pilih kasih dalam soal pelaksanaan undang-undang kerana ini menunjukkan kita tidak serius dalam menangani masalah lambakan pekerja asing.

Namun dalam hal ini selalunya pihak majikan yang dipersalahkan kerana pasaran memerlukan pekerja asing untuk kos yang lebih murah?

SHAMSUDDIN: Pengurangan jumlah pekerja asing sejak kebelakangan ini menunjukkan pihak majikan mengikut arahan kerajaan. Sebanyak 600,000 ribu pekerja telah balik ke tempat asal mereka. Namun kita perlu lihat apakah negara ini telah membuat perancangan yang teliti dalam usaha mengurangkan kebergantungan

pekerja asing. Malangnya banyak usaha yang dilakukan adalah sekadar ad-hoc sahaja. Polisi kita bukan untuk jangka masa panjang. Kita lebih menumpu kepada keperluan semasa dan tangannya berdasarkan keperluan tersebut.

Kita ambil contoh negara-negara seperti Singapura, Jepun dan Korea Selatan tentang pekerja asing adalah ketat dan berkesan. Masalah lambakan pekerja asing ini terutama pekerja haram mampu ditangani jika penguatkuasaan yang lebih serius dan ketat dilaksanakan. Kita ada undang-undang yang tegas seperti denda, hukuman rotan dan penjara namun tidak digunakan sepenuhnya. Dalam banyak segi pelaksanaan hanya bersifat sementara sahaja.

Apabila isu ini kecoh diperkatakan maka pelaksanaan akan dilakukan secara serius tetapi apabila sudah tidak panas lagi pelaksanaan juga akan menjadi lebih kurang sahaja. Lebih malang lagi jika rasuah berlaku dalam hal penguatkuasaan maka ia hanya mengusutkan lagi keadaan. Ia akhirnya akan menjadi cakap-cakap sahaja tanpa sebarang keputusan yang membanggakan.

Apakah majikan sangat memerlukan pekerja asing?

SHAMSUDDIN: Kalau dari segi konsepnya bukan senang pihak majikan untuk mendapatkan pekerja asing. Ada perkara yang perlu dilakukan seperti mengiklankan dalam Jabatan Buruh dan mendapatkan syarikat yang berurusan dengan pengambilan pekerja asing. Ini memakan masa. Gaji juga perlu memainkan peranan kerana jika terlalu rendah maka rakyat tempatan tidak mahu bekerja.

Maka setelah semua kriteria ini dipenuhi akhirnya ia berbalik kepada kemahiran pekerja tempatan untuk bekerja di sektor-sektor tertentu. Kita ambil contoh kerja sebagai pengawal keselamatan. Pasti ramai ibu bapa yang tidak mahu anak mereka bekerja dalam bidang itu. Tetapi jika ada usaha untuk merubah bidang kerja ini dan menaik tarafnya dengan menambah bidang kemahiran lain seperti pertolongan cemas atau mengawal kebakaran seperti bomba ia membantu meningkatkan imej pengawal keselamatan serta meningkatkan

gaji mereka. Bukan lagi sekadar menunggu di pondok jaga.

Begitu juga dalam kerja di kilang dan pembinaan. Malah jika kita lihat di negara maju rakyat mereka banyak yang bekerja di sektor pembinaan dan mereka dibayar dengan gaji yang lumayan.

Satu lagi pekerja asing ini sebenarnya tidak menyumbang kepada produktiviti negara. Ini kerana syarikat dan majikan tidak akan melihat keperluan untuk menggunakan sistem yang lebih canggih kerana teknologi yang sedia ada masih boleh digunakan dan tenaga buruhnya adalah rendah. Bermakna kosnya adalah minimum. Maka tidak akan ada peningkatan dari segi produktiviti kerana sistem kerja yang sama akan terus digunakan secara berulang. Ia hanya statik setakat itu sahaja.

Mereka hanya sekadar membantu meningkatkan pembangunan negara melalui bangunan dan projek mega yang telah kita buat seperti KLIA, KLCC dan sebagainya. Jika kita berjaya membawa masuk tenaga-tenaga pakar dari negara asing ini mungkin membantu meningkatkan produktiviti seiring dengan apa yang berlaku di negara-negara maju. Tapi malangnya perkara ini banyak berlaku.

Namun pada masa yang sama kita lihat ramai mereka ini terlibat dalam kegiatan jenayah yang akhirnya menjejaskan ekonomi negara kita.

Apakah perlu dilakukan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing?

SHAMSUDDIN: Perkara utama yang saya lihat adalah produktiviti pekerja di negara ini masih sangat rendah. Sebagai contoh pekerja di Singapura. Produktiviti mereka adalah sekitar tahap 3.8 berbanding pekerja Malaysia yang hanya sekitar tahap satu sahaja. Ini data yang dikeluarkan pihak Bank Dunia.

Dari segi persijilan kemahirannya adalah sangat kurang. Kalau mereka masuk kerja hanya dengan sijil SPM dan itulah sijil yang mereka ada sehingga pencen nanti. Perlu ada pemantauan dari segi kemahiran pekerja dengan sijil yang mereka peroleh supaya tahap produktiviti mereka meningkat. Ini membantu apabila kemahiran yang mereka memiliki adalah berbagai maka gaji mereka juga lebih baik. Soal produktiviti ini adalah penting untuk diberi keutamaan.

Saya tertarik dengan satu agensi berita luar negara yang mana tenaga kerja yang dilakukan mereka adalah sangat terhad. Merekalah yang datang mewawancarai, buat rakaman video, buat mengedit *dubbing* dan sebagainya. Hanya melibatkan seorang atau

dua tenaga kerja sahaja. Tetapi kalau di sini ia melibatkan banyak tenaga kerja dari wartawan, jurukamera, juru lampu, pemandu, mereka yang terlibat dalam mengedit dan sebagainya. Di sini kita lihat mereka memperkayakan kemahiran dan kemahiran mereka.

Jika perkara ini tidak ditangani maka usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di negara ini serta dalam menuju negara yang berpendapatan tinggi tidak akan terhasil. Adalah penting untuk melihat peningkatan tahap produktiviti pekerja di negara ini. Kita perlu lebih kreatif dan inovatif dalam menjenamakan semula pekerjaan. Ini membantu meningkatkan kemahiran yang diperlukan dalam sesetengah pekerjaan supaya ia menarik minat masyarakat tempatan untuk bekerja dalam sektor tersebut. Kita tidak boleh bergantung kepada kerja yang hanya mempunyai satu kemahiran sahaja.

Maka selagi kita lihat perkara ini sebagai satu perniagaan selagi itulah masalah lambakan pekerja asing ini tidak akan selesai. Saya sarankan supaya dimansuhkan sahaja lesen-lesen yang diberikan kepada syarikat yang menguruskan kemasukan pekerja asing ini.

Masalah timbul apabila urusan membawa masuk pekerja asing juga membawa keuntungan kepada pihak tertentu?

SHAMSUDDIN: Ini bagi saya adalah masalah utama kenapa berlaku lambakan pekerja asing kerana ia berasas pada perniagaan. Usaha membawa masuk pekerja asing ini akan menguntungkan sesetengah pihak. Jika perniagaan saya adalah untuk membawa masuk pekerja asing saya tidak kisah jika pekerja berkenaan akan menimbulkan masalah atau tidak kerana saya mendapat pendapatan darinya. Saya tidak akan kisah dengan apa yang berlaku kerana saya akan terus melobi untuk mendapatkan kuota untuk membawa masuk pekerja asing.

Maka selagi kita lihat perkara ini sebagai satu perniagaan selagi itulah masalah lambakan pekerja asing ini tidak akan selesai. Saya sarankan supaya dimansuhkan sahaja lesen-lesen yang diberikan kepada syarikat yang menguruskan kemasukan pekerja asing ini. Jika kita benar-benar memerlukan pekerja asing apa salahnya jika ia hanya memabatkan urusan antara negara-negara yang terlibat sahaja. Tetapi malangnya bukan hanya negara kita tetapi negara yang terlibat dalam urusan membawa masuk pekerja di negara mereka juga melihat ini sebagai satu sumber perniagaan. Terdapat sistem yang sama seperti di negara ini.

Oleh itu saya lihat kerajaan perlu uruskan kemasukan pekerja asing ini tanpa perlu ejen atau syarikat lain yang menguruskannya. Ini juga akan membantu mengelakkan masalah lain seperti rasuah serta pemantauan akan menjadi lebih efektif dan berkesan.

